



## SYARAT-SYARAT LESEN PASAR PAGI / PASAR MALAM

### 1. PERATURAN AM

1.1 Peniaga perlulah mematuhi had operasi yang dibenarkan mengikut Masa Operasi Perniagaan yang diluluskan oleh MDKL. Masa operasi adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	PASAR PAGI	PASAR MALAM
i	Waktu Masuk	6:00 pagi	4:00 petang
ii	Waktu Keluar	12:00 tengahari	10:00 malam

1.2 Tempoh lesen adalah **1 tahun** setiap permohonan, dan perlu diperbaharui sebelum pada bulan **November-Disember**. Manakala bayaran sewaan tapak adalah tertakluk kepada peniaga samaada bayaran **secara bulanan** atau **secara tahunan**. Kadar lesen dan sewaan tapak adalah seperti berikut:

BIL. PETAK	KADAR SEWAAN TAPAK MENGIKUT BULAN (RM)		
	4 BULAN	6 BULAN	12 BULAN
1	RM 64.00	RM 96.00	RM 192.00
2	RM 128.00	RM 192.00	RM 384.00
3	RM 192.00	RM 288.00	RM 576.00
4	RM 256.00	RM 384.00	RM 768.00
	<b>LESEN PASAR</b>	<b>RM 25.00 SETAHUN / PASAR</b>	

1.3 Lesen pasar akan terbatal apabila sewaan petak pasar malam/pagi **tamat tempoh** atau **tidak diperbaharui** dalam tempoh **14 hari** atau tidak menjalankan perniagaan tanpa memberi notis kepada pihak Majlis.

1.4 Pihak Majlis boleh membatalkan lesen peniaga (lama) dan meluluskan lesen kepada pemohon (baru) tanpa memberi notis kepada peniaga (lama), selepas **14 hari** peniaga (lama) gagal memperbaharui permit sewaan tapak pasar malam/pagi.

### 2. KEBERSIHAN/KESIHATAN

- 2.1 Kebersihan petak yang digunakan perlu diselenggara dan dijaga dengan baik semasa bermiaga dan selepas tamat waktu bermiaga, serta menyediakan tong sampah yang secukupnya dan bersih dari sebarang kekotoran.
- 2.2 Memastikan semua jenis sampah / hasil buangan dari perniagaan dimasukkan ke dalam karung plastik dan dibuang ke dalam tong sampah.
- 2.3 Semua pekerja-pekerja yang terlibat dengan pengendali makanan dan minuman **DIWAJIBKAN** mengambil suntikan pelalian TYPHOID dan menghadiri kursus pengendali makanan.
- 2.4 Peniaga dan pekerja yang terlibat dalam perniagaan yang melibatkan makanan dan minuman perlu memakai topi dan 'apron' yang diluluskan sepanjang masa perniagaan dijalankan

### 3. PETAK/TEMPAT PERNIAGAAN

- 3.1 Dilarang menyewakan atau membenarkan orang lain menjalankan perniagaan di petak yang ditawarkan.
- 3.2 Menjalankan perniagaan di petak yang diluluskan oleh pihak Majlis sahaja dan tidak menyebabkan **HALANGAN** ke atas laluan dan kemudahan-kemudahan awam di sekitar Kawasan pasar dan tiada sebarang struktur kekal dibenarkan di petak berkenaan.
- 3.3 Tidak dibenarkan sama sekali meninggalkan atau meletakkan atau menyimpan peralatan di tempat yang digunakan selepas sahaja waktu yang dibenarkan.
- 3.4 Perniagaan hanya dibenarkan dipetak yang diluluskan sahaja.
- 3.5 Bagi peniaga yang menjalankan perniagaan barang-barang basah seperti daging, ayam, ikan, sayuran, buahan dan lain-lain berkaitan, hanya dibenarkan menyewa minima 2 petak dan maksima 4 petak sahaja.

### 4. PERATURAN-PERATURAN

- 4.1 Hendaklah sentiasa memberikan kerjasama kepada mana-mana Pegawai / Kakitangan Majlis yang menjalankan tugas di Pasar Pagi/Pasar Malam.

## LAMPIRAN 12

- 4.2 Peniaga adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak Majlis, dan jika terdapat aduan-aduan yang berasas, MDKL boleh membatalkan lesen dengan serta merta.
- 4.3 Pihak Majlis berhak untuk menarik balik kelulusan lesen dan petak yang diberikan, sekiranya terdapat sebarang perlanggaran yang dirasakan boleh menggugat kesejahteraan orang awam atau melanggar hak-hak individu yang berkenaan dan pemeriksaan mengejut akan dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan segala arahan dan peraturan dipatuhi.
- 4.4 Seseorang penama peniaga hanya dibenarkan menyewa maksima empat (4) petak sahaja, dan jika didapati ada peniaga yang menggunakan nama keluarga atau adik beradik untuk mendapatkan lebih dari dua petak, pihak Majlis mempunyai budibicara untuk membatalkan Lesen Pasar Pagi/Pasar Malam.
- 4.5 Bagi peniaga yang membawa masuk kenderaan ke petak perniagaan, kenderaan hendaklah di susun dengan teratur bagi tidak mengganggu lalu lintas dan enjin kenderaan perlu dimatikan sepanjang masa operasi Pasar Pagi/Pasar Malam.
- 4.6 Peniaga diwajibkan mempamerkan Lesen Pasar Pagi/Pasar Malam MDKL sepanjang tempoh masa peniagaan dijalankan dan meletakkannya di tempat yang senang untuk dilihat serta **DILARANG** sama sekali mempelawa atau menyewa kepada lain-lain peniaga untuk bermiaga di petak yang dibenarkan.
- 4.7 Bagi peniaga Pasar Pagi/Pasar Malam penggunaan tenaga elektrik yang menggunakan mesin seperti 'gen-set', bateri berkuasa tinggi, peniaga dinasihatkan untuk meletakkan peralatan tersebut di sebelah belakang kawasan perniagaan bagi mengelakkan sebarang pencemaran seperti asap, bunyi, bau dan lain-lain kekotoran yang boleh menganggu keselesaan pengunjung dan peniaga-peniaga yang berada bersebelahan.

### **PERINGATAN**

**\*\*Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekutaran  
Majlis Daerah Kuala Langat